

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah dan nama taman industri di setiap negeri di Malaysia. Adakah **taman industri** yang dibina di setiap negeri perlu mengikuti satu **Prosedur Operasi Standard** untuk memastikan infrastruktur berkualiti untuk pelabur.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kawasan Perindustrian (*Industrial Estates* - IE) didefinisikan sebagai satu zon kawasan khas untuk aktiviti perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti rangkaian jalan raya, kuasa elektrik, dan lain-lain perkhidmatan utiliti untuk membantu pembangunan sektor industri perkilangan.
2. Majoriti IE di Malaysia dibangunkan oleh agensi kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan Majlis Koridor Wilayah. Terdapat juga pemaju swasta terlibat dalam pembangunan IE di negeri-negeri tertentu.
3. Mengikut data yang dikeluarkan pada tahun 2011 oleh PricewaterhouseCoopers (PWC) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT) di setiap negeri, terdapat 595 buah kawasan perindustrian di Malaysia yang telah dikenal pasti seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Kawasan Perindustrian</b>
Perlis	8
Kedah	13
Pulau Pinang	14
Perak	65
Selangor	250
WP Kuala Lumpur	49
Negeri Sembilan	16
Melaka	21
Johor	41
Kelantan	16
Terengganu	25
Pahang	38
Sabah	16
Sarawak	23
<b>JUMLAH</b>	<b>595</b>

4. Penubuhan taman-taman industri dan syarat-syarat pembinaan infrastruktur adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui PBT. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PlanMalaysia) telah menyediakan dokumen Piawaian Perancangan Kawasan Perindustrian yang menggariskan beberapa aspek kawalan perancangan bagi pembangunan kawasan perindustrian meliputi garis panduan umum dan garis panduan khusus.

5. **Piawaian ini hanya menyentuh aspek fizikal** antaranya berkaitan komponen kawasan perindustrian, perancangan tapak, keperluan penyediaan zon penampakan, kemudahan yang perlu disediakan, keluasan dan saiz minimum lot, serta had ketinggian bangunan. Piawaian ini tidak mengandungi prosedur operasi standard (SOP) untuk memastikan penyediaan infrastruktur tertentu bagi tujuan menarik pelabur.

6. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2008, MIDA telah diberi tanggungjawab untuk mentadbir urus Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada (termasuk industri halal) atas arahan UPE, JPM. Program ini telah diluluskan secara *one-off* sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan diteruskan pelaksanaannya oleh MIDA dalam RMK-10 dan RMK-11. Peruntukan program ini disalurkan oleh UPE, JPM melalui MITI kepada MIDA selaku Agensi Penyelaras. Secara amnya, kewujudan program ini adalah berdasarkan keperluan mendesak daripada pihak industri dan bertujuan untuk bekerjasama dengan PBT dalam menyelia dan menyelenggara infrastruktur sedia ada dalam IE secara konsisten serta mengekalkannya dalam keadaan kondusif.

Sekian, terima kasih.